



MENTERI KEWANGAN MALAYSIA

PRAKATA

Saya kemukakan di Dewan yang mulia ini buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021 yang mengandungi Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi Kementerian dan Jabatan untuk melaksanakan program, aktiviti dan projek pembangunan bagi tahun 2021. Anggaran ini merupakan peruntukan bagi tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12).

Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021 disediakan dalam suasana negara berhadapan situasi mencabar susulan ketidaktentuan ekonomi global, terutamanya penularan pandemik COVID-19 serta ketidaktentuan dalam pasaran kewangan antarabangsa dan harga komoditi. Namun begitu, Kerajaan sentiasa prihatin dengan mengambil langkah-langkah proaktif bagi melindungi kesejahteraan rakyat dan kelangsungan perniagaan, serta pemulihan dan pengukuhan ekonomi melalui pelaksanaan beberapa pakej rangsangan ekonomi iaitu PRIHATIN, PENJANA dan KITA PRIHATIN. Belanjawan 2021 merupakan kesinambungan kepada usaha-usaha ini dan dijangka meneruskan momentum pertumbuhan di samping meningkatkan daya tahan ekonomi negara.

Bersandarkan kepada kedudukan kewangan dan ekonomi semasa, Kerajaan tetap komited memberi fokus kepada rakyat, perniagaan dan ekonomi. Belanjawan 2021 akan memberi penekanan kepada empat bidang utama, iaitu menjaga kebajikan rakyat, memacu pertumbuhan ekonomi, melestarikan kehidupan dan memantapkan penyampaian perkhidmatan awam. Peruntukan dan insentif yang bersasar terus tersedia bagi memastikan kebajikan rakyat terpelihara dan tiada mana-mana pihak dipinggirkan (*no one is left behind*). Ekonomi domestik akan dirancakkan dan perniagaan disokong dengan matlamat utama bagi mencapai pembangunan yang mampan, lebih berdaya tahan dan inklusif demi kemakmuran bersama. Selain itu, Kerajaan juga akan memastikan projek pembangunan yang direncanakan di dalam RMKe-12 dilaksanakan secara teliti dan berhemah agar kemampunan ekonomi negara berterusan.

Saya yakin maklumat yang terkandung dalam buku ini dapat memberi gambaran yang jelas mengenai keutamaan dasar setiap Kementerian dan Jabatan melalui Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi program, aktiviti dan projek tahun 2021.

YB SENATOR TENGKU DATUK SRI ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
6 November 2020